



ANWAR Ibrahim meninjau peralapan pada raptai penuh sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Lihat sendiri kehidupan golongan susah - Anwar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri menggesa pihak yang menentang Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB) melihat dan menyelami sendiri kehidupan golongan miskin bandar.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, golongan penentang tidak wajar menuduh kononnya RUU tersebut bertujuan merampas hak golongan Bumi-putera.

Malah katanya, kerajaan Madani akan terus mempertahankan kepentingan semua kaum.

“Pembangunan itu penting bagi golongan M40 dan B40. Begitu juga dengan orang Melayu dan India ramai miskin.

“Orang yang bercakap ini kadang-kadang tidak pernah

tengok orang duduk di satu flat, satu bilik enam anak, ada yang kadang-kadang sudah dua keluarga. Dia tidak fikir, dia hanya capak teori sahaja,” katanya kepada pemberita di sini selepas merasmikan Lebuhraya Lembah Klang Timur semalam.

Terdahulu, Anwar mengumumkan pengguna Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) akan menikmati tol percuma selama sebulan bermula esok.

Sebelum itu, Anwar terlebih dahulu hadir meninjau persiapan raptai penuh sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos ini.

Jelas Anwar, pemberian tol percuma tersebut akan bermula pukul 6 pagi esok sehingga

29 September depan sempena sambutan bulan kemerdekaan.

Lebuhraya EKVE Seksyen 1 merupakan lebuhraya dua lorong dua hala dengan empat persimpangan bertingkat, iaitu Persimpangan Bertingkat Sungai Long, Persimpangan Bertingkat Bandar Mahkota Cheras, Persimpangan Bertingkat Hulu Langat, dan Persimpangan Bertingkat Ampang dengan empat buah plaza tol dan dua hentian sebelah.

Jajaran lebuhraya itu merupakan sebahagian daripada laluan Sistem Lingkaran Luar

Kuala Lumpur (KLORR) di bahagian Timur, yang berfungsi menyuraikan aliran trafik di pinggir Lembah Klang tanpa melalui pusat bandar Kuala Lumpur.